



MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Ke Arah Kecemerlangan Sukan

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) bagi **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** untuk **Gred G1, Kategori CE** Pengkhususan – Pembinaan Kejuruteraan Awam **Kod CE21 - (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)** dan berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) WP Kuala Lumpur** serta pendaftarannya masih berkuatkuasa.

NO. SEBUT HARGA	:	MSN/SH/008/2025 (SK)
TAJUK SEBUT HARGA	:	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI RUMAH KAKITANGAN (VISTA) BLOK A DAN BLOK B, MSN BUKIT JALIL UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA
TARIKH BUKA	:	21 MEI 2025 (RABU)
TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	:	27 MEI 2025 (SELASA/10.30 PAGI) RUMAH KAKITANGAN VISTA, MSN BUKIT JALIL
TARIKH TUTUP	:	3 JUN 2025 (SELASA) SEBELUM PUKUL 12.00 TENGAHARI

Dokumen sebut harga boleh dimuat turun di laman ini. (Sila rujuk lampiran). Kehadiran semasa sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Pihak kontraktor juga diwajibkan membawa salinan lesen dan cop syarikat semasa lawatan tapak tersebut.

Dokumen sebut harga perlu dihantar bersama Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) dan satu(1) salinan penyata bank syarikat yang terkini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah :

Peti Sebutharga & Tender
Lobi Aras 1 (Belakang)
Bangunan Pentadbiran
Majlis Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara
57000 Bukit Jalil
Kuala Lumpur

Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima.

Pihak syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut :-

Cik Norfarizan Noordin@Mustapha (Urusetia Perolehan) : 03-89929066
En. Muhamad Faezal Md Noh (Spesifikasi Teknikal) : 03-89929837